

Dalam Kenangan/In Memorium

SUMBANGAN KEKAL ABADI PROFESOR SYED HUSSEIN ALATAS KEPADA BIDANG SAINS SOSIAL MALAYSIA

Jurnal *Akademika* kali ini sebahagiannya memberi penghormatan kepada tokoh besar - sarjana, pemikir dan intelektual awam - Allahyarham Profesor Syed Hussein Alatas yang meninggal dunia lebih setahun yang lalu, iaitu pada 23 Januari 2007 di Kuala Lumpur. Selama setengah abad lebih penglibatannya dalam dunia ilmu, beliau telah mencipta nama yang harum dan mengukir sumbangan abadi yang tersendiri bukan sahaja kepada khazanah sains sosial Malaysia tetapi juga dunia. Beliau ialah antara tokoh generasi pertama sains sosial Malaysia yang menceburi bidang ini sejak tahun 1950-an lagi. Beliau telah meletakkan asas dan membina tradisi sains sosial Malaysia yang cemerlang dan terkenal di peringkat antarabangsa.

Profesor Alatas ialah seorang sarjana dan pengarang besar yang prolific dan berbobot yang pemikiran dan karyanya mempunyai kepentingan universal. Beliau menghasilkan banyak karya yang tajam dan mendalam dalam bentuk buku dan artikel jurnal antarabangsa serta akhbar tempatan. Karya itu meliputi banyak bidang, daripada pembangunan dan pemodenan, membawa kepada politik dan rasuah, persoalan Orientalisme, intelektual negara membangun, pemikiran masyarakat bekas tanah jajahan, serta persoalan umat Islam menangani pemodenan.

Antara buku beliau yang penting dan sudah menjadi klasik ialah, *Modernization and Social Change in Southeast Asia*. Buku ini yang terbit pada 1972 membahas secara kritis pemikiran ahli teori Barat tentang pemodenan dan pembangunan di mana beliau menyanggah konsep pemodenan sebagai pembaratan. Buku *The Myth of the Lazy Native*, yang pertama kali terbit pada tahun 1977, ialah sebuah *magnum opus* yang mempunyai kesan yang menjangkau jauh dan mendalam. Melalui buku ini, beliau mendedahkan bagaimana kolonialisme Eropah telah mencipta mitos peribumi malas sebagai cara untuk mengekalkan penguasaan penjajah ke atas rakyat peribumi. Karya ini dianggap oleh Edward Said sebagai 'teramat asli' yang telah menginspirasi beliau sendiri untuk menghasilkan karyanya yang terkenal mengkritik Orientalisme.

Hari ini kita berdepan dengan pelbagai masalah besar seperti rasuah dan pemikiran yang mencerminkan ketidakrasionalan yang berat sebelah. Serangkaian karya beliau mengenai persoalan rasuah di negara membangun merupakan khazanah yang amat penting yang boleh membantu kita sebagai panduan untuk menganalisis dan merungkai persoalan ini dan membanterasnya. Dengan bahasa kiasan yang tajam, beliau pernah menganjurkan bahawa dalam usaha membanteras penyakit masyarakat ini, kita perlu membangkitkan kebencian

dan amarah rakyat kepada rasuah agar kita dapat menyeretkannya keluar daripada lorong-lorong gelap supaya tidak ada lagi tempat bagi perasuah menyorokkan diri.

Salah satu sumbangan besar Profesor Alatas ialah usaha memupuk pemikiran rasional dan membuka minda masyarakat khususnya umat Melayu-Islam, bagi mengikis pemikiran sebahagian mereka yang berpegang pada tahyul dan mentafsirkan Islam secara sempit dan harfiah. Dalam bidang pemikiran masyarakat inilah beliau bukan sahaja bertarung mengkritik pandangan Orientalisme terhadap masyarakat tanah jajahan khususnya masyarakat Melayu, tetapi beliau pada masa yang sama dengan tegas melawan kejumudan, atau apa yang beliau istilahkan sebagai ‘bebalisme’ dalam kalangan masyarakat Melayu-Islam. Ini adalah satu petanda pemikiran yang mandiri, asli dan kecerahan akal yang ditunjukkan oleh Profesor Alatas.

Di atas adalah antara isu yang dibicarakan dalam beberapa makalah sumbangan beberapa sarjana terkenal seperti Profesor Emeritus Clive Kessler dalam artikel penghormatannya kepada Profesor Alatas, dan juga makalah Profesor Mohd Hazim dan Dr. Heng Siam-Heng dalam ruangan “Wacana Pembangunan”. Kita juga bernasib baik kerana memperoleh sumbangan salah seorang ahli sosiologi terkemuka Malaysia daripada angkatan Profesor Alatas, iaitu Dr Syed Husin Ali, yang memberi sentuhan peribadi dalam tulisan kenangan beliau tentang Alatas semasa mereka berkhidmat bersama-sama di jabatan yang sama di Universiti Malaya pada tahun 1960an. Ruangan yang kami dedikasikan kepada Profesor Alatas dalam Jurnal *Akademika* keluaran ini tidak dapat berlaku adil kepada keseluruhan sumbangan besar beliau kepada khazanah ilmu. Usaha ini hanya satu usaha kecil untuk merakam penghargaan kami terhadap sumbangan beliau kepada sains sosial Malaysia dan dunia yang kami harap berguna kepada para pembaca.

Abdul Rahman Embong
Editor

THE LASTING CONTRIBUTION OF PROFESSOR SYED HUSSEIN ALATAS TO MALAYSIAN SOCIAL SCIENCE

In this issue of *Akademika*, a section is specially dedicated to the memory of a great figure, the late Professor Syed Hussein Alatas – scholar, thinker and public intellectual — who passed away more than a year ago on 23 January 2007 in Kuala Lumpur. Through his involvement in the field of knowledge for more than five decades, Professor Alatas had established a highly esteemed reputation and left an indelible contribution not only for Malaysians, but also world social sciences. As a member of the first generation of Malaysian social scientists,

starting his career since the 1950s, he not only laid the foundation for Malaysian social science, but also established a glorious tradition of international standing.

Professor Alatas was a prolific scholar and author of great substance whose thinking and works are of universal significance. He produced many brilliant works in the form of books and articles in international journals as well as in local newspapers. His writings cover a wide range of fields, from development and modernisation, to politics and corruption, intellectuals in developing societies, the mentality of colonised societies, as well as the question of the Muslim ummah's engagement with modernity.

Among his significant books that are regarded as a classic is *Modernization and Social Change in Southeast Asia*. Published in 1972, this book critically discusses Western theories of modernisation and development and challenges the idea of modernisation as Westernisation. His magnum opus, *The Myth of the Lazy Native* (first published in 1977) is another substantial work that has far-reaching and lasting significance. Through this book, he shows how European colonialism created the myth of Malays as the lazy natives as a means to keep them in subjugation. Edward Said considered this book to be a "startlingly original" work that inspired him to produce his well-known critique of Orientalism.

Today, our society is beset with serious problems of corruption and one-sided irrational thinking. A series of Professor Alatas's works on the question of corruption in developing societies can help enlighten us in understanding corruption and how to eliminate it. In order to get rid of this social scourge, he used to advocate in a sharply metaphorical language that we need to evoke the hatred and anger of the people to ferret the perpetrators out of the dark alleys into the open where there is no place to hide.

A major contribution of Professor Alatas was his effort at upholding rationality and opening the minds of members of society namely Malay-Muslims to eradicate their superstitious thinking and their narrow and literal interpretation of Islam. It was on this issue of the society's mindset that not only he relentlessly criticized Orientalist perspectives towards colonized societies, especially the Malay society, but also launched relentless struggle against outmoded thinking or what he termed 'bebalism' (thickism) among the Malay-Muslims. This is a hallmark of independent-mindedness, originality and enlightened reason shown by Professor Alatas.

The above are some of the issues discussed in several papers in this special section of *Akademika* by eminent contributors such as Emeritus Professor Clive Kessler in his tribute to Professor Alatas, and also by Professor Mohd Hazim and Dr Heng Siam-Heng in the column "Discourses on Development." We are also fortunate to have one of the sociologists of Professor Alatas's generation, the eminent Malaysian sociologist, Dr Syed Husin Ali, who gave a perceptive personal account of Alatas when they were together in the same department at the University of Malaya in the 1960s. Looked at as a whole, this section, of course, cannot do justice to the immense contribution of Professor Alatas to the

field of knowledge. It is only a small effort to record our appreciation of his contribution to the Malaysian and world social sciences, which we hope will be of some use to the readers.

Abdul Rahman Embong
Editor